



## KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

### SINGERGI PERNAS DAN BUBBLES O2 PROMOSI FRANCAIS SEMPENA PETRONAS LE TOUR DE LANGKAWI 2023

**Bangsar South, 19 September 2023** – Bagi membangunkan keusahawanan francais dalam bidang sukan, Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Bubbles O2 Sdn. Bhd. (Bubbles O2) berkolaborasi dalam usaha memacu perkembangan industri francais sempena Petronas Le Tour de Langkawi 2023 (Petronas LTdL 2023).

Bubbles O2 merupakan penaja bagi Petronas LTdL 2023 “Most Combative Rider” mempelawa Pernas dalam melaksanakan kerjasama ini bagi mewujudkan semangat keusahawanan dan membuka peluang perniagaan francais dalam kalangan peserta dan pengunjung acara sukan berprestij ini.

Melaui slogan **“Jom #CariPernas @ Reruai Bubbles O2”**, program inovatif ini program turun padang Pernas mempromosikan produk dan perkhidmatan Pernas kepada anggaran lebih sejuta penonton dan pengunjung di sepanjang lapan (8) laluan Petronas LTdL 2023.

Bubbles O2 Cavalcade turut membantu mempromosikan sistem francais dengan tumpuan untuk membimbing dan menyediakan sokongan pembiayaan, latihan, pembangunan keusahawanan dan pelaburan ekuiti kepada agar orang awam boleh meneroka dan menceburti bidang perniagaan francais.

Antara usahawan dan jenama yang turut serta bersama di reruai Bubbles O2 adalah Gloria Jean’s Coffees, 1901 dan FTW Racing.

Majlis Pelancaran Jom Cari Pernas @ Reruai Bubbles O2 sempena LTdL 2023 dihadiri oleh Dato’ Abu Bakar As-Sidek bin Dato’ Haji Mohd Sidek. Pengurus Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) Pernas dan Puan Ain Azizah binti Arifin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, Bubbles O2 Sdn. Bhd.

Untuk urusan media, sila hubungi: Nurzahirah Md. Zamri, Jabatan Komunikasi Strategik Pernas melalui emel, [nurzahirah.zamri@pernas.my](mailto:nurzahirah.zamri@pernas.my) atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7949.

---

### ***PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)***

Pernas adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

1. Skim pembiayaan yang merangkumi semua keperluan perniagaan termasuk perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja;
2. Pembiayaan dan pelaburan ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan
3. Khidmat latihan, bimbingan dan konsultasi untuk pembangunan usahawan ke arah perniagaan francais.

Pernas menyediakan khidmat latihan dan skim khas untuk francaisor dan francaisi dan mengalu-alukan rakan-rakan francais ke Malaysia. Selain itu, Pernas juga menawarkan perkhidmatan lain seperti latihan, penyewaan ruang runcit dan pelaburan ekuiti.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah dan Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francaisor dan francaisi.